

20/05/2003

Pakej ekonomi tidak babit insentif kewangan

Azlan Jaafar; Zainab Mohd Yatim

PUTRAJAYA: Pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, menjurus kepada perubahan strategi menjana pertumbuhan dan bukan berteraskan insentif kewangan.

Perdana Menteri berkata, perubahan strategi merangsang pertumbuhan itu perlu kerana negara kini berdepan dengan unjuran perkembangan ekonomi yang perlahan.

"Kita perlu belajar untuk mengubah strategi dengan mencari peluang pertumbuhan baru dan tidak hanya bergantung kepada insentif kerajaan.

"Kerajaan perlukan wang dan tidak boleh sewenang-wenangnya memberi wang kepada sektor swasta kerana ia tidak meningkatkan kekayaan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan sesi pertama Dialog Bajet 2004 di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, angka pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tahun ini dijangka lebih tinggi daripada 4.2 peratus yang dicatatkan pada 2002.

Bagaimanapun, katanya, angka itu dijangka lebih rendah daripada sasaran pertumbuhan 4.5 peratus yang dibuat ketika pembentangan Bajet 2003, kerana keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Perdana Menteri dijangka mengumumkan angka unjuran pertumbuhan KDNK yang baru bagi 2003 itu ketika membentangkan strategi menjana pertumbuhan ekonomi terbabit, esok.

Terdahulu, ketika berucap pada sesi dialog itu yang dihadiri wakil organisasi, universiti, individu dan agensi kerajaan, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang di peringkat akhir menyediakan strategi baru itu yang turut mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

"Saya berharap semua pihak dapat bersabar. Pengumumannya akan dibuat tidak lama lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, seperti semua sedia maklum, sejak krisis kewangan Asia pada 1997, perbelanjaan awam berfungsi penting memastikan ekonomi negara tidak merosot.

"Dalam persekitaran di mana sektor swasta agak lemah, kerajaan terpaksa mengambil langkah expansionary (pengembangan)," katanya.

Hasilnya, kata beliau, negara berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi memberangsangkan dengan KDNK pada 2002 meningkat 4.2 peratus, menepati sasaran bajet tahun itu.

Katanya, kejayaan itu juga adalah hasil usaha kerajaan melaksanakan pelbagai dasar dan strategi ekonomi yang pragmatik sehingga asas ekonomi negara terus kukuh.

"Rizab negara semakin meningkat dan berada pada paras melebihi AS\$36 bilion (RM136.8 bilion) manakala lebihan dagangan berterusan 65 bulan

berturut-turut sejak November 1997.

"Inflasi berada pada paras terkawal iaitu kurang daripada satu peratus (0.7 peratus) pada Mac 2003 dan sektor perbankan kukuh dengan kadar hutang tidak berbayar (NPL) berkurangan kepada tujuh peratus manakala defisit kerajaan Persekutuan dan hutang luar negara masih di paras yang mapan," katanya.

Mengulas angka KDNK yang diunjur lebih rendah berbanding sasaran ketika pembentangan Bajet 2003, Perdana Menteri berkata, ia terutama disebabkan pergolakan di Asia Barat.

Katanya, wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) turut mengakibatkan ekonomi dunia mengambil masa lebih lama untuk pulih.

"Bagi Malaysia, kita tidak dapat lari daripada menerima kesan kelembapan ekonomi dunia sebagaimana juga negara Asia yang lain, namun kita perlu mencari jalan mengelak kemelesetan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah berusaha bersungguh-sungguh mencapai angka unjuran itu, yang dibuat ketika negara berdepan dengan masalah luaran berterusan.

Mengenai Bajet 2004 yang akan dibentangkan September ini, Dr Mahathir berkata, maklumat daripada sesi dialog itu akan dikaji dan dijadikan asas merangka strateginya.

Bajet 2004 bertema 'Menangani Persekitaran Luar Yang Tidak Stabil dan Memastikan Pencapaian Pertumbuhan Berterusan' sejajar dengan cabaran utamanya selepas mengambil kira ketidaktentuan politik, ekonomi dan perdagangan antarabangsa yang wujud ketika ini.

Sesi Kedua Dialog Bajet 2004 berlangsung hari ini, membabitkan perbincangan dengan wakil sektor utama dalam ekonomi serta industri.

Sesi Ketiga akan diadakan 9 Jun ini membabitkan pertemuan dengan pertubuhan sosial bagi membincang isu kemasyarakatan, manakala Sesi Keempat akan diadakan sehari kemudian dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri serta Kelab Penyokong Kerajaan.